



Submission date: 10/04/2023 Accepted date: 01/08/2023 Published date: 30/09/2023
DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol29no1.508>

TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK TERHADAP PERANAN INSTITUSI MASJID DI MALAYSIA

Systematic Literature Review (SLR) on The Role of Mosque Institutions in Malaysia

Zawin Hannan Sofea Shahbuddin^a, Setiyawan Gunardi^b

^{ab}Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan

(Corresponding author) setiyawan@usim.edu.my

Abstrak

Institusi masjid merupakan simbol kesatuan umat Islam yang menjadi tonggak kepada penyebaran ilmu serta dakwah Islam. Institusi masjid juga merupakan badan yang sentiasa mendapat perhatian kerana padanya terangkum tanggungjawab terhadap umat Islam yang melibatkan aspek sosial seperti pusat ibadah, pusat kemasyarakatan dan juga pusat pendidikan. Kepentingan peranan institusi ini telah tercatat sejak zaman pemerintahan Rasulullah S.A.W. sekali gus menjadi cerminan kepada nilai tamadun Islam yang syumul dan universal. Namun, kini peranan masjid dilihat perlu ditonjolkan selari dengan perkembangan dunia untuk menjadi institusi yang unggul dan berpengaruh. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji fungsi dan peranan institusi masjid di Malaysia pada masa kini dengan merujuk kepada peranan masjid pada zaman Rasulullah S.A.W. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis dokumen melalui tinjauan literatur sistematik yang telah mendapat perhatian oleh para pengkaji mutakhir ini. Hasil kajian mendapati sebanyak 89 artikel dan jurnal berjaya ditemui daripada laman web yang khusus dan dipilih oleh pengkaji iaitu berdasarkan Google Scholar dan MyJurnal. Seterusnya, 20 artikel akan dibahaskan di bahagian perbincangan kerana nilai tersebut mewakili artikel yang paling berkait dengan kajian ini. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada ahli akademik dan pihak berkenaan terhadap peranan institusi masjid di Malaysia.

Kata kunci: Institusi masjid, peranan, Malaysia, tinjauan literatur sistematik.

Abstract

The institution of the mosque is a symbol of the unity of Muslims, which is a pillar for the spread of knowledge and Islamic preaching. The institution of the mosque is also a body that always receives attention because it encompasses the responsibility towards Muslims that involves social aspects such as worship centres, community centres and educational centres. The importance of the role of this institution has been recorded since the reign of Rasulullah S.A.W., thus becoming a reflection of the values of Islamic civilization, which is comprehensive and universal. However, now the role of the mosque is seen to need to be highlighted in line with the development of the world to become a superior and influential institution. This study aims to examine the function and role of the mosque institution in Malaysia today by referring to the role of the mosque in the time of Rasulullah S.A.W. This qualitative study uses the method of document analysis through a systematic literature review that has received the attention of recent researchers. The study results found that 89 articles and journals were successfully found from specific websites and selected by the researcher based on Google Scholar and MyJurnal. Next, 20 articles will be discussed in the discussion section because those values represent the articles most relevant to this study. The results of this study are expected to be a reference for academics and parties concerned about the role of mosque institutions in Malaysia.

Keywords: Mosque institution, role, Malaysia, systematic literature review.

PENDAHULUAN

Secara umumnya, menurut Kamus Al-Maany di dalam kamus istilah Fiqh telah menyatakan bahawa masjid ialah tempat untuk bersujud. Dikatakan juga masjid merupakan tempat untuk meletakkan dahi ketika sujud (Admin PMWP, 2019). Masjid juga merupakan tempat yang diwakafkan untuk beribadat dan bersolat. Kalimah masjid berasal daripada Bahasa Arab iaitu “*sajada, yasjudu, sajdā*”. Kalimah yang pertama iaitu “*sajada*” membawa makna bersujud ataupun secara simboliknya dapat dilihat sebagai ketaatan dan kepatuhan dengan tunduk penuh hormat (Syauqi 2004; Sojak et al., 2018). Namun, kalimah dasar bagi “*sajada*” boleh bertukar seiring dengan makna. Sebagai contoh, jika merujuk kepada sesuatu tempat, istilah kalimah akan berubah menjadi “*masjidun*” iaitu tempat bagi seorang hamba menyembah dan membesarkan Tuhan Yang Esa iaitu Allah S.W.T (Noresah 2007; Sojak et al., 2018). Oleh yang demikian, nama dan kalimah masjid sangat bertepatan dengan maksudnya yang berperanan sebagai tempat sujud atau merendah diri bagi seorang hamba kepada Maha Pencipta. Sebagaimana telah diperintahkan oleh Allah akan seruan tentang masjid seperti di bawah:

﴿وَإِنَّ الْمُسْلِجَةَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا﴾

Maksudnya: “Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapapun bersama-sama Allah.”

(Al-Qur'an. Al-Jinn 72:18)

(فِي بُيُوتِ أَذْنَ اللَّهِ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُقِ وَالْأَصَالِ)

Maksudnya: “(Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang.”

(Al-Qur'an. An-Nur 24: 36)

Masjid juga merupakan tempat yang mulia dan agung bagi umat Islam. Kenyataan ini selari dengan hadis yang dinyatakan oleh Abu Hurairah R.A. tentang kelebihan dan keagungan masjid antaranya ialah:

عن أبي هريرة رضي الله عنه . أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِّنْ بَيْوَتِ اللَّهِ يَتَلَوَّنُ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارِسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلتُ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَغَشِّيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَذَكَرْتُهُمُ اللَّهُ فِيمَ عَنْهُ»

Maksudnya: “Tidaklah sekelompok orang berkumpul di sebuah rumah dari rumah-rumah Allah (masjid), mereka membaca al-Qur'an serta mengkajinya, kecuali akan turun kepada mereka kedamaian/ ketenangan, rahmat Allah pun akan menyelimuti mereka, malaikat-malaikat akan mengelilingi mereka, dan Allah akan menyebutkan nama mereka di hadapan mahluk-mahluk yang ada di sisi-Nya.”

(Riwayat Muslim dan Abu Daud)

Al-Hawali (t.th) telah menyatakan bahawa pada zaman Nabi Muhammad S.A.W, masjid telah menjadi tempat pengadilan, tempat kehakiman, tempat kepimpinan tentera, tempat menetapkan sesuatu fatwa, tempat mencari dan menimba ilmu dan tempat bersedekah. Secara dasarnya ia dikategorikan sebagai tempat yang mempunyai banyak keperluan negara dan atas kehidupan. Tambahan itu, Abdul Ghani (2001) telah menekankan bahawa masjid berperanan sebagai penghubung sesama masyarakat sama ada melibatkan golongan kaya maupun miskin dengan menjadi satu wasilah untuk manusia berjumpa sebanyak lima kali sehari serta menyampaikan maklumat dan menyelesaikan permasalahan yang timbul di dalam kehidupan seharian.

Ini jelas menunjukkan bahawa masjid merupakan pusat kegiatan umat Islam yang utama di mana Rasulullah S.A.W. mentadbir segala urusan hal ehwal Islam seperti

menghimpunkan penduduk dan masyarakat, bermusyawarah serta menerima dan kunjungan tetamu dari dalam luar negara. Kesinambungan corak pemerintahan ini berterusan sehingga kepada pemerintahan Khulafa' Ar-Rasyidin. Secara amnya, masjid telah menjadi pusat pemerintahan dan pentadbiran umat Islam. Selain daripada itu, masjid juga berfungsi sebagai pusat penerangan politik, perang, ekonomi, sosial, keilmuan dan pengkhabaran sesuatu berita (Admin PMWP, 2019).

Secara dasarnya, dapat dilihat bahawa peranan dan fungsi masjid pada awal penubuhannya telah mencakupi keperluan segenap aspek kehidupan sama ada dari sudut jasmani mahupun rohani dan sekali gus menjadikan institusi masjid sebagai salah satu institusi yang terpenting dalam kehidupan sehari-hari manusia khususnya umat Islam. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi menganalisis dan meneliti peranan institusi masjid pada era kini sama ada masih mengekalkan peranan dan fungsi sebagaimana pada zaman Nabi Muhammad SA.W ataupun terdapat pengurangan mahupun penambahan dalam peranannya.

METODOLOGI

SLR yang merupakan singkatan bagi *Systematic Literature Review* ataupun lebih dikenali dengan tinjauan literatur sistematis merupakan suatu kaedah yang sistematis dalam mengenal dan menilai sesebuah kajian bagi menjawab dan menangani persoalan penyelidikan berdasarkan platform PRISMA. PRISMA ataupun *Preferred Reporting Items for Systematic reviews and Meta-Analyses* ialah Penyata Item Pelaporan Pilihan untuk Ulasan Sistematis dan Meta-Analisis. PRISMA telah direka bentuk khas bagi membantu dalam menyemak artikel sistematis secara telus dengan melaporkan perincian yang jelas dalam pencarian artikel (Page et al., 2021). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematis iaitu kajian yang mengumpulkan bukti-bukti empirikal yang sesuai dengan kriteria kelayakan sebagaimana telah ditetapkan untuk menjawab soalan kajian tertentu. Penggunaan kaedah yang jelas dan tepat serta bersistematis adalah bertujuan bagi meminimumkan prejudis dan berat sebelah, sekali gus menghasilkan dapatan yang boleh dipercayai dari mana-mana kesimpulan atau keputusan yang boleh dibuat (Livinski et al., 2015). Tinjauan literatur sistematis telah menjadi metodologi utama dalam pelbagai disiplin ilmu seperti penyelidikan dasar awam dan sains (Lame, 2019).

Carian memfokuskan instrumen yang melibatkan institusi masjid khusus terhadap peranannya. Pencarian telah dilakukan dan penulis menggunakan terma pencarian serta kata kunci yang khusus dengan menggunakan terma Bahasa Melayu iaitu “peranan masjid”, “institusi masjid” dan “peranan masjid di Malaysia”. Terma dalam bahasa Inggeris tidak dilakukan kerana hasil dapatan carian akan menjadi begitu meluas dan terlalu besar. Selain daripada itu, pemilihan penggunaan Bahasa Melayu juga adalah bertujuan untuk memfokuskan kajian ini terhadap kajian lepas yang telah

dilakukan di Malaysia sahaja. Memandangkan penulis melakukan penulisan dalam Bahasa Melayu, maka carian yang diutamakan juga adalah berdasarkan sumber Bahasa Melayu. Seterusnya, pangkalan data yang telah dipilih dan digunakan oleh penulis ialah MyJurnal dan Google Scholar.

MyJurnal merupakan satu pangkalan data yang menghimpunkan pelbagai penulisan akademik yang diterbitkan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi di Malaysia. Juga dikenali sebagai Pusat Sitasi dan Infometriks serta boleh diakses melalui <https://myjurnal.mohe.gov.my>. Manakala, Google Scholar pula ialah pangkalan data yang lebih besar dan meluas kerana ia merangkumi pelbagai penerbitan artikel, jurnal, kes di serata dunia. Carian kata kunci yang pelbagai juga boleh diakses melalui pangkalan ini iaitu <https://scholar.google.com>. Berbeza dengan kata kunci yang boleh diakses di MyJurnal, ianya adalah terhad dan tidak meluas berbanding Google Scholar kerana MyJurnal hanya dapat mengenal pasti kata kunci daripada penerbitan penulisan ilmiah yang telah dikumpulkan dalam laman itu sahaja.

Rajah 1 menunjukkan contoh carian kata kunci di MyJurnal



Rajah 2 menunjukkan contoh carian kata kunci di Google Scholar

The screenshot shows a Google Scholar search results page. The search query is "peranan masjid di Malaysia". There are 42 results found in about 0.02 seconds. The results are listed in descending order of relevance. Each result includes the title, author(s), abstract, and a link to the PDF or journal page.

- Pemerkaasan peranan masjid di Malaysia era kontemporari**
NAA Wahab, NA Hamid, NC Man - e-Academia Journal, 2017 - myims.mohe.gov.my
The history of Prophet Muhammad's struggle in spreading Islam has proved the importance of the mosque as a basis for the construction of sovereign Islamic State Madinah al-Munawwarah. At that time, the mosque was not only a place of worship, but also the center for ...
Save Cite Related articles All 2 versions
- PERSEPSI MASYARAKAT NEGERI MELAKA TERHADAP PERANAN MASJID KETIKA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**
J. A. Halim, A. Salidin - Asian People Journal (APJ), 2020 - journal.unisza.edu.my
Sejak dari zaman Rasulullah SAW lagi, masjid merupakan bukan hanya sebagai tempat orang Islam melakukan ibadah khusus semata-mata, tetapi peranan masjid mengangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia termasuk di dalam menguruskan hal ehwal ekonomi penduduk ...
Save Cite Related articles All 6 versions
- PENILAIAN AWAL TERHADAP MODEL AUDIT KESELAMATAN MASJID DI KULIM, KEDAH MALAYSIA: SATU TINJAUAN**
IA Halim, AT Ab Latih, A.Salidin - Asian People Journal (APJ), 2020 - journal.unisza.edu.my
Abstract: Mosque institution is a stop center for Muslims in addition to worshipping. An extensive function of mosque requires a single method to identify risks and problems as it can focus on protection and prevention as well as elimination of risks and dangers towards mosque ...
Save Cite Related articles All 6 versions
- PERANAN MASJID MENDEPANI PANDEMIK COVID-19: KAJIAN DI MASJID TEMIN, JERANTUT PAHANG**
MAA Ishamuddin, NM Saiteh - International Journal of 2021 - alimbar.kuis.edu.my

Rajah 3 menunjukkan contoh ‘search string’ di Google Scholar



Berdasarkan gambar rajah di atas, penulis menggunakan maklumat yang tertentu bagi mengumpulkan carian tajuk yang terperinci. Perincian maklumat adalah seperti berikut:


Jadual 1: Senarai kriteria, kelayakan dan pengecualian

Kriteria	Kelayakan	Pengecualian
Jenis Literatur	Artikel (MyJurnal)	Editorial, Persidangan
	Artikel dan Jurnal (Google Scholar)	Kertas Kerja, Bab dalam Buku
Negara	Malaysia	Selain daripada Malaysia
Tempoh Penerbitan	Penerbitan daripada tahun 2012-2021	Penerbitan tahun 2011 dan sebelumnya

Proses kaedah ini bermula dengan fasa pertama iaitu fasa pengenalpastian. Penulis perlu mencari serta mengakses bahan kajian yang berkaitan atau yang tertumpu seperti artikel, jurnal dan lain-lain. Oleh itu, setelah carian dilakukan sebanyak 24 dapatkan carian telah dijumpai di portal MyJurnal manakala sebanyak 65 dapatkan carian telah berjaya direkod pada laman Google Scholar. Seterusnya, bagi meneruskan aplikasi kaedah PRISMA ini, fasa saringan kedua iaitu fasa tapisan perlu dilakukan dengan mengecilkan tempoh tahun penerbitan. Sasaran penulis adalah tertumpu kepada pencarian artikel yang diterbitkan 10 tahun ke belakang sahaja bagi memastikan kerelevan sesuatu hasil yang ingin dicapai sesuai dengan peredaran zaman. Selain itu, penulis turut memilih dapatan carian jenis jurnal dan artikel bagi Google Scholar, manakala jenis artikel sahaja bagi MyJurnal. Hal ini kerana, tiada rekod bagi dapatan carian jenis jurnal di MyJurnal pada kata kunci yang berkenaan. Di dalam fasa ini juga, penulis menyaring artikel dengan mengeluarkan artikel yang bertindih. Maka, hasil jumlah daripada saringan ini adalah sebanyak 53 artikel.

Kemudian, pengkaji melakukan saringan ketiga iaitu fasa kelayakan. Fasa ini melibatkan proses yang lebih terperinci dengan meneliti setiap tajuk artikel yang berbaki. Hasil mendapati bahawa sebanyak 33 artikel dan jurnal yang berjaya melepassi ke peringkat ini untuk dijadikan rujukan yang sahih dan bermutu dalam kajian. Akhir sekali, dalam fasa yang keempat iaitu fasa kemasukan, penulis menyaring artikel dengan melihat tema, abstrak dan isi kandungan artikel yang berkaitan dengan peranan masjid. Proses ini adalah penting kerana artikel penuh perlu dinilai bagi memastikan hanya artikel yang sesuai layak dibincangkan di dalam fasa kemasukan. Kemudian barulah analisis perbincangan kajian dapat dilakukan yang melibatkan sejumlah 20 artikel. Berikut merupakan aliran gambar rajah menggunakan kaedah PRISMA bagi tajuk kajian ini.

Rajah 4 menunjukkan aliran gambar rajah PRISMA seperti di bawah:



KEPUTUSAN

Berikut merupakan hasil keputusan bagi proses pencarian artikel dengan menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematis dalam PRISMA.

Hasil Rentetan Carian (*Query String*)

Sebanyak 89 artikel telah ditemui berdasarkan hasil carian dengan memasukkan kata kunci yang sesuai di dalam pangkalan data elektronik yang terpilih. Data yang diperoleh bagi hasil carian di MyJurnal adalah sebanyak 24 artikel, manakala dapatan melalui pangkalan data elektronik Google Scholar adalah sebanyak 65 artikel. Perincian dapat dilihat dalam jadual 2 seperti di bawah:

Jadual 2: Jumlah bilangan artikel yang ditemui daripada dua pangkalan data (MyJurnal dan Google Scholar)

Sumber Pangkalan Data	Kata Kunci	Jumlah Carian	Hasil	Peratusan
MyJurnal	“Institusi masjid”	18		20%
	“Peranan masjid”	5		6%
	“peranan Masjid di Malaysia”	1		1%
Google Scholar	“peranan Masjid di Malaysia”	65		73%
Jumlah Keseluruhan		89		100%

Jumlah Artikel Mengikut Bilangan Penulis

Jadual 3 menunjukkan bilangan penulis artikel yang telah melepas saringan pertama dan kedua iaitu sebanyak 53 buah artikel dengan membahagikannya kepada beberapa kategori iaitu:

- a) Seorang penulis;
- b) Dua orang penulis;
- c) Tiga orang penulis;
- d) Empat orang penulis atau lebih.

Jadual 3: Perincian jumlah artikel mengikut bilangan penulis

No.	Bilangan penulis	Bilangan Artikel		Jumlah	Peratusan
		MyJurnal	Google Scholar		
1	1 orang	-	5	5	10.4%
2	2 orang	6	7	13	27.1%
3	3 orang	6	11	17	35.4%
4	4 orang dan keatas	6	7	13	27.1%
Jumlah Keseluruhan		18	30	53	100%

Jadual di atas menunjukkan bahawa bilangan penulis yang paling banyak penerbitannya ialah kategori 3 orang dengan peratusan sebanyak 35.4%. Manakala

kategori bilangan penulis yang paling sedikit ialah 1 orang yang mewakili peratusan sebanyak 10.4%.

Jumlah Artikel Mengikut Tahun Penerbitan

Seterusnya, analisis data artikel telah dilakukan mengikut sasaran tahun penerbitan iaitu penerbitan dalam tempoh 10 tahun kebelakang iaitu daripada tahun 2012-2021. Jadual di bawah menunjukkan hasil keputusan data mengikut tahun penerbitan.

Jadual 3: Perincian tahun penerbitan artikel di fasa pertama

No.	Tahun Penerbitan	Bilangan Penerbitan		Jumlah	Peratusan
		MyJurnal	Google Scholar		
1	2021	3	11	14	26.4%
2	2020	2	8	10	18.9%
3	2019	4	8	13	24.5%
4	2018	4	4	8	15.1%
5	2017	-	-	-	-
6	2016	2	-	2	3.8%
7	2015	2	-	2	3.8%
8	2014	2	1	3	5.7%
9	2013	-	-	-	-
10	2012	1	-	1	1.8%
Jumlah Keseluruhan		20	33	53	100%

Data menunjukkan bahawa tahun penerbitan yang mempunyai keluaran artikel yang paling tinggi dan berkaitan dengan tajuk ialah pada tahun 2021 yang mewakili sebanyak 26.4%. Manakala keluaran artikel yang terendah adalah pada tahun 2013 dan 2017 dengan peratusan 0%.

Jumlah Artikel Yang Berkaitan

Akhir sekali, analisis data telah dilakukan bagi mendapatkan artikel yang layak untuk berada di dalam fasa kemasukan yang mana akan dibawa kepada perbincangan. Jadual 4 menunjukkan jumlah artikel yang digunakan dalam mendapatkan dapatan perbincangan.

Jadual 4: Perincian jumlah artikel yang akan dibincangkan

Sumber Pangkala Data	Jumlah artikel yang berkaitan topik:	Jumlah
MyJurnal	11	55%
Google Scholar	9	45%
Jumlah keseluruhan	20	100%

Hasil keputusan mendapati bahawa jumlah artikel yang layak dibincangkan di dalam artikel MyJurnal adalah sebanyak 11 artikel dengan peratusan 55%. Manakala jumlah artikel yang layak dibincangkan melalui sumber pangkalan data Google Scholar pula ialah sebanyak 9 artikel dengan peratusan 45%.

Artikel-artikel yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Tajuk Artikel	Sumber
Aktiviti In Door Serta Out Door Masjid Dan Remaja Muslim-Isu Dan Cabaran	Google Scholar
Analisis Aktiviti Pengajian Keagamaan di institusi masjid-masjid Negeri Melaka	MyJurnal
Cabaran pengurusan aktiviti pengimaranan institusi masjid: kajian kes di Masjid Cemerlang Di Malaysia	MyJurnal
Financial Education Programmes Organised By Mosques As A Platform To Increase Financial Literacy In Malaysia	Google Scholar
Kajian Deskriptif Amalan Agama serta Kerja-kerja Sosial Pelajar di Pusat Islam Lukman Al-Hakim, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)	Google Scholar
Keusahawanan Sosial institusi masjid Pemangkin Modal Insan Berkualiti	MyJurnal
Kolaborasi Interaksi Masyarakat Terhadap Golongan Kurang Upaya Di Institusi Masjid	MyJurnal
Masjid Dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik Di Malaysia	MyJurnal
Melokalisasikan Urus Tadbir Pengagihan Zakat: Peranan Institusi Masjid Di Malaysia	MyJurnal
Memperkasa Pengurusan Agihan Zakat Di Institusi Masjid Malaysia: Isu Dan Cabaran	MyJurnal
Mosque Institutions In Malaysia: What Is The Concept Of The Lyrics?	Google Scholar
Pelan Strategik Pengupayaan Peranan Institusi Masjid Sebagai Pusat Tumpuan Komuniti	MyJurnal
Pemerksaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari	MyJurnal
Penerapan Nilai Islam Dalam Membangun ‘Jiwa’ institusi Masjid Pada Era Kontemporari	Google Scholar

Pengimaranan Masjid: Masjid Mesra Ummah-Isu dan Cabaran	Google Scholar
Peranan Institusi Masjid Di Sipitang Dalam Memurnikan Adat Tradisi Masyarakat Kedayan	MyJurnal
Peranan Masjid Mendepani Pandemik Covid-19: Kajian Di Masjid Temin, Jerantut Pahang	Google Scholar
Potensi Masjid Sebagai Produk Pelancongan Di Malaysia	Google Scholar
Prinsip Sosial Dalam Pengimaranan Institusi Masjid: Kajian Di Masjid Bertaraf Cemerlang	MyJurnal
Transformasi Pengurusan Pembangunan Masjid Sebagai Institusi Islam: Pengalaman Masjid-Masjid Terbaik	Google Scholar

PERBINCANGAN

Berdasarkan artikel yang berkaitan dengan tema terhadap peranan institusi masjid melalui kaedah PRISMA, kajian mendapati bahawa kesemua artikel di atas bersetuju dan menyatakan bahawa peranan masjid tidak khusus kepada pusat ibadah semata-mata namun peranannya lebih meluas mencakupi aspek sosial kehidupan manusia. Menurut Majid (2016) dalam penulisannya ‘Masjid Dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik di Malaysia’, beliau menjelaskan bahawa masjid merupakan salah satu platform utama bagi sesebuah masyarakat dalam menyampaikan seruan Islam ataupun dakwah. Tuntutan seruan dakwah ini bukanlah suatu perkara yang baharu tetapi ianya merupakan kesinambungan daripada usaha dakwah daripada para Nabi yang terdahulu sehingga kehadiratnya Nabi Muhammad S.A.W.

Jika dilihat pada masa kini, masjid telah melakukan satu usaha yang besar dan menarik iaitu dengan melakukan transformasi terhadap pendekatan dan peranannya bagi memenuhi keperluan rohani dan jasmani masyarakat termasuklah melaksanakan kuliah umum dan khusus, kelas-kelas dan kem-kem yang bermanfaat terhadap anak-anak, bengkel-bengkel yang bertujuan untuk mencerdikkan masyarakat dan kemudahan-kemudahan yang mencukupi khususnya terhadap warga orang kurang upaya (OKU). Tidak lupa juga, kewujudan almari rezeki ataupun gerobok rezeki turut diwujudkan bagi membantu masyarakat yang kurang berkemampuan (Hamid et al., 2019). Usaha ini turut disokong oleh Mohd Ridhuwan et al., (2020) dengan menyatakan bahawa pengubahsuaian yang sewajarnya selaras dengan perkembangan masyarakat di negara ini perlu diambil kira bagi melahirkan insitusi masjid berteraskan prinsip sosial sebagaimana yang diamalkan di zaman Rasulullah S.A.W. Begitu juga Ridhuwan (2019) turut menyatakan bahawa fungsi dan peranan institusi masjid adalah melangkaui segenap kehidupan masyarakat. Oleh yang demikian, pihak institusi masjid perlu bergiat lebih proaktif bagi menjayakan tanggungjawab ini dengan cemerlang.

Dari sudut pendidikan, dapat dilihat bahawa masjid sangat memainkan peranan penting dalam usaha membantu menyampaikan ilmu pengetahuan terhadap orang awam khususnya bagi aktiviti keagamaan seperti mengadakan pelbagai aktiviti kuliah atau ceramah agama. Kebiasaannya kategori pengajaran adalah berdasarkan waktu ibadat solat dan sambutan hari kebesaran Islam. Sebagai contoh, kuliah subuh, kuliah dhuha, kuliah zohor, kuliah maghrib, kuliah takmir, kuliah bulanan dan ceramah umum (Norani & Abdullah, 2020). Selain daripada pendidikan berteraskan keagamaan yang juga lebih dikenali dengan ilmu akhirat, institusi masjid juga menjadi satu platform dan medium bagi masyarakat dalam mendapatkan ilmu dunia. Misalnya, dengan mengadakan kelas Bahasa Inggeris sepertimana yang telah diperkenalkan dan diketengahkan pada masa kini untuk meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan masyarakat Islam (Yusoff et al., 2018).

Selain daripada ilmu bertunjangkan akademik, peranan masjid dalam membangunkan ummah juga dapat dilihat dengan memberikan pendidikan kewangan kepada masyarakat setempat (Rahman, 2020). Penulis melihat bahawa segala ilmu pendidikan yang mampu membentuk kualiti dan jati diri individu Muslim dapat disampaikan, dikongsikan dan disebarluaskan melalui institusi-institusi masjid sekali gus dapat menghidupkan masjid dengan aktiviti pembudayaan ilmu. Bertitik tolak daripada itu, artikel oleh Jaafar & Che Noh (2019) telah menyatakan bahawa pada hakikatnya institusi masjid itu sendiri boleh menjadi sebuah universiti sebagaimana yang telah dilaksanakan di beberapa tempat. Antara contoh yang melaksanakan model masjid sebagai institusi pendidikan secara rasmi ialah Masjid Zaituna di Tunisia, Masjid Qarawain di Maghribi dan Masjid Al-Azhar di Mesir.

Tambahan itu, institusi masjid juga berperanan penting dalam membantu menyelesaikan masalah atau kekeliruan masyarakat awam lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan tentang adat tradisi yang bertentangan dengan ajaran Islam dan telah menjadi kepercayaan masyarakat terdahulu. Misalnya, dapat diambil daripada amalan masyarakat Kedayan yang mengamalkan kepercayaan terhadap makhluk ghaib dan melakukan aktiviti memberi makan kepada makhluk ghaib dengan cara membakar kemenyan telah dapat dihapuskan melalui usaha sama pihak institusi masjid. Dalam masa yang sama, perkara-perkara yang membebankan umat Islam seperti kewajipan mengadakan kenduri yang pelbagai mengikut cara tersendiri yang diwarisi secara turun-temurun turut dapat dikurangkan (Aiza et al., 2015).

Artikel yang bertajuk ‘Pelan Strategik Pengupayaan Peranan Institusi Masjid Sebagai Pusat Tumpuan Komuniti’ menghuraikan tentang peranan masjid sebagai pusat komuniti utama masyarakat. Idea dalam menjayakan peranan ini perlu kepada strategi yang tersusun dan terancang yang meliputi tujuh perkara utama iaitu; memberi kesedaran dan cadangan kepada pentadbir dan AJK Masjid serta agensi yang

berkaitan, mewujudkan pengajian ilmu yang holistik, mengurus dana masjid secara efektif, mempelbagaikan aktiviti masjid, membangun dan mengupayakan dakwah kepada orang bukan Islam dan Mualaf, menyediakan prasarana dan infrastruktur yang mesra pengunjung dan akhir sekali membina masjid dengan infrastruktur yang sesuai dengan darurat iklim. Strategi-strategi tersebut dipercayai mampu meningkatkan peranan insitusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti setempat (Awang et al., 2021).

Seterusnya, Yahya et al., (2015) mencadangkan supaya institusi masjid melakukan kegiatan yang boleh membawa kepada penjanaan ekonomi masjid bagi memastikan kelangsungan aktiviti masjid dapat diteruskan tanpa sebarang masalah selain dapat membantu menggalakkan pembangunan ekonomi masyarakat melalui aktiviti ekonomi yang produktif. Selain daripada itu, peranan masjid bleh diperkasakan dengan melokalisasikan pungutan dan agihan zakat di masjid. Kerjasama yang kukuh antara pihak zakat dan institusi masjid perlu diperhebat bagi mempermudahkan masyarakat setempat khususnya golongan asnaf dalam melakukan urusan zakat dan secara tidak langsung pengimaranan terhadap masjid juga dapat dipertingkat (Harunnizam Wahid, Sanep Ahmad, 2012). Hakikatnya, terdapat banyak aktiviti sosial yang merangkumi pelbagai sudut ekonomi telah dilaksanakan oleh institusi masjid pada masa kini termasuklah pengurusan kutipan dan agihan zakat di masjid. Namun begitu, dalam konteks zakat tidak semua masjid berfungsi dan berperanan sebagai pusat agihan zakat (Ab Rahman & Mohd Faisal Yeap, 2019).

Menurut Wahab (2016) dalam penulisannya yang berkait rapat dengan peranan masjid, beliau telah menekankan bahawa peranan masjid perlu diperkasa seiring proses globalisasi yang berlaku. Beberapa pendekatan yang lebih meluas perlu diaplikasikan agar institusi masjid terus mendapat perhatian dan sambutan orang ramai. Antaranya adalah dengan menjadikan masjid sebagai Pusat Kebajikan dan Kaunseling, menjadikan masjid sebagai Pusat Kegiatan Wanita, Remaja dan Kanak-Kanak, mewujudkan Pusat Teknologi Maklumat (ICT) di masjid dan menjadikan masjid sebagai tempat yang mesra Orang Kurang Upaya (OKU). Akhir sekali, menjadikan masjid sebagai Pusat Penginapan Pelancong Islam dipercayai mampu menjadi satu pendekatan yang mampu memberi impak positif kepada agama Islam. Cadangan-cadangan ini dilihat relevan dalam memperkasakan institusi masjid ke arah membangun model insan yang lebih dinamik secara tidak langsung dapat membuka mata dan mengikat hati masyarakat Muslim terhadap institusi masjid.

Menyentuh kepada isu peranan institusi masjid terhadap golongan Orang Kurang Upaya (OKU), Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin et al., (t.th.) telah menjelaskan bahawa layanan dan penerimaan masyarakat terhadap golongan OKU adalah rendah kerana masih terdapat stereotaip dalam kalangan orang normal terhadap golongan ini.

Situasi ini tidak terlepas daripada berlaku di institusi masjid kerana masih ada OKU yang mendapat layanan buruk oleh masyarakat awam ketika di masjid sehingga menyebabkan emosi mereka terganggu dan lebih teruk lagi menyebabkan mereka tidak mahu datang ke masjid. Ini menunjukkan pihak institusi masjid perlu memberi penekanan yang lebih terhadap masyarakat awam dalam memahami dan menyantuni golongan OKU dengan lebih baik. Sejajar dengan usaha mewujudkan masjid mesra ummah dari sudut kelengkapan yang diperlukan masyarakat (Mohamad Sofuan Mohamad Saleh, 2019), membentuk masyarakat dalam menjadi individu yang mesra ummah turut menjadi satu keperluan sesama Muslim dengan saling nasihat-menasihati dalam melakukan perkara kebaikan dan menegah kepada kemungkaran.

Seterusnya, gagasan terhadap pelaksanaan produk pelancongan Islam secara automatik dilihat dapat menjadi satu medium dakwah terhadap orang bukan Islam. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah dengan menunjukkan kualiti serta mutu seni bina masjid yang menarik dan unik. Selain itu, penyediaan inap masjid juga dilihat sesuai untuk diwujudkan. Secara tidak langsung, institusi masjid dapat mempromosikan pakaian menutup aurat kepada masyarakat tidak mengira agama dan bangsa sebagaimana yang telah dituntut oleh agama Islam berkenaan perintah dan hikmah menutup aurat (Awang et al., 2021). Usaha ini adalah selari dengan cadangan yang diutarakan oleh Mohd Noh et al., (2020) di dalam artikelnya bahawa keterlibatan terhadap masyarakat bukan Islam di dalam aktiviti sosial masjid adalah wajar agar mereka dapat memahami agama Islam dengan lebih dekat. Dengan ini, dapat dibuktikan bahawa masjid bukanlah sebagai sekadar tempat beribadat semata-mata tetapi mampu menjadi indikator keindahan dan keunikan Islam terhadap masyarakat awam. Segala aktiviti seharusnya bermula dari masjid dan masjid berperanan sebagai '*one stop centre*', yang mana institusi masjid akan mudah untuk dikunjungi serta mesra pengunjung (Sojak et al., 2018).

Selain daripada peranan di atas, Fadzil et al., (2019) dalam penulisannya yang bertajuk 'Keusahawanan Sosial Institusi Masjid Pemangkin Modal Insan Berkualiti' telah menyatakan bahawa masjid juga dilihat perlu berperanan untuk menjadi lebih cekap dan profesional dalam setiap pengurusannya bermula daripada sekecil-kecil perkara sehingga kepada sebesar-besarnya perkara. Hal ini amat penting supaya institusi masjid mampu melahirkan individu yang memiliki kemahiran kecekapan dalam organisasi melalui pengurusan yang mantap, berkesan dan sistematik. Maka dengan itu. Ishamuddin & Salleh, (2021) telah menekankan bahawa sistem pengurusan dan pentadbiran masjid yang efisien amat penting bagi melancarkan segala aktiviti di bawah institusi masjid. Selain itu, pengurusan yang telus serta cekap juga dapat menjamin kelancaran aktiviti dan keberkesanan dakwah yang dibawa oleh pihak masjid kepada masyarakat.

KESIMPULAN

Secara konklusinya, peranan masjid pada masa kini masih kekal sama sebagaimana pada zaman Nabi Muhammamad S.A.W iaitu sebagai tempat ibadah, tempat perhubungan sosial antara masyarakat, tempat menyebarkan dakwah dan pendidikan. Namun, hanya konsep dan pendekatan bagi pengimaranan masjid sahaja yang perlu diperkasa dan dipelbagaikan seiring peredaran zaman berikutan gaya kehidupan masyarakat kini sudah tidak sama sebagaimana di zaman pemerintahan kegemilangan Islam terdahulu. Justeru, dapat dilihat bahawa masjid memainkan peranan yang sangat besar dalam pembentukan jiwa dan ilmu bagi individu Muslim. Sekiranya institusi masjid terus istiqamah dalam melaksanakan tanggungjawab dan peranannya, maka akan lahirlah masyarakat yang bertamadun dan berkualiti tinggi. Penulis melihat bahawa pendekatan yang inovatif dan kreatif dalam pengimaranan institusi masjid adalah sangat diperlukan bagi memastikan peranan masjid dapat dikekalkan dan diluaskan agar tidak hanya menjadi sebuah binaan semata-mata.

Berdasarkan kajian ini juga, penulis melihat bahawa penyelidikan terhadap peranan institusi masjid dalam Bahasa Melayu perlu dipertingkat supaya dapat menambah dan meningkatkan data rujukan di platform MyJurnal dan Google Scholar untuk keperluan akan datang. Maka, penulis menyarankan kajian terhadap bidang ini dapat diketengahkan untuk meraih manfaat yang lebih besar buat umat Islam khususnya bagi memartabatkan institusi masjid ke arah institusi yang lebih terkehadapan, dipercayai serta disegani oleh masyarakat sejagat.

RUJUKAN

Al-Quran

Ab Rahman, A., & Mohd Faisal Yeap, M. J. (2019). Memperkasa Pengurusan Agihan Zakat di Institusi Masjid Malaysia: Isu dan Cabaran (*Empowering Zakat Distribution Management in Mosque Institutions of Malaysia: Issues and Challenges*). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2–2).

Abdul Ghani. 2001. Kitab Khutbatul Jum'ah Wa Dauruha Fi Tarbiyatil Ummah. Cet. Pertama. Al-Mamlukah Al-Arabiyyah As-Saudiyyah. Jil 1. 151.

Abu Daud. 1443H. Kitab Sunan Abu Daud Ma'a Syarhu 'Anil Ma'bud. Matba'ah Al-Ansariyyah Bidahli. India.

Admin PMWP. (2019, August 5). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - Bayan Linnas Siri Ke-206: Pengimaranan Masjid: Tugas Kita. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3618-bayan-linnas-siri-ke-206-pengimaranan-masjid-tugas-kita>

- Aiza, R., Mokhtar, M., & Zarrina, C. (2015). Peranan institusi masjid di Sipitang dalam memurnikan adat tradisi masyarakat Kedayan. *Sains Humanika*, 4(1), 67–74.
- Al-Hawali. Safar Abdur Rahman. Durus Li Syeikh Safar Hawali. Jil.57. hlm.8.
- Al-Maany. (t.th.). *Makna dan Pengertian Masjid*. Retrieved May 30, 2022, from <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/مسجد>
- Awang, A., Zakaria, Z., Abdul Ghafar, M. S., Ismail, N., & Jusoh, Z. (2021). Potensi Masjid Sebagai Produk Pelancongan di Malaysia. *Journal Voice of Academia*, 17(1), 1–9.
- Awang, N., Aini, Z. H., & Opir, H. (2021). Pelan Strategik Pengupayaan Peranan Institusi Masjid Sebagai Pusat Tumpuan Komuniti. *Jurnal YADIM*, 1(2), 21–37.
- Fadzil, M. I., Lee, M. A. I., & Khamis, K. A. (2019). Keusahawanan Sosial Institusi Masjid Pemangkin Modal Insan Berkualiti. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 01–10.
- Hamid, S. A., Mohd. Nizho, R. A., Ismail, S., & Mohd Sobhi Ishak. (2019). Transformasi Pengurusan Pembangunan Masjid Sebagai Institusi Islam: Pengalaman Masjid-Masjid Terbaik. *E-Proceedings of 6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (IMAF-2019)*, 30 Oktober, 186–199.
- Harunnizam Wahid, Sanep Ahmad, R. A. K. (2012). Melokalisasikan Urus Tadbir Pengagihan Zakat: Peranan Institusi Masjid di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 83, 71–83.
- Ishamuddin, M. A. A., & Salleh, N. M. (2021). Peranan Masjid Mendepani Pandemik Covid-19: Kajian Di Masjid Temin, Jerantut Pahang. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management*, 40–48.
- Jaafar, I., & Che Noh, M. A. (2019). Mosque Institutions In Malaysia: What Is The Concept Of The Lyrics? *ISTAWA: Jurnal Pendidikan Islam*, 4(2), 184.
- Lame, G. (2019). Systematic literature reviews: An introduction. *Proceedings of the International Conference on Engineering Design, ICED*, (August), 1633–1642. <https://doi.org/10.1017/dsi.2019.169>
- Livinski, A., Joubert, D., & Terry, N. (2015). Undertaking a Systematic Review: What You Need to Know. National Institutes of Health, October, 80.
- Majid, M. A., & Marlon, Y. (2016). Masjid Dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 8(1), 31–48.
- Mohamad Sofuan Mohamad Saleh. (2019). Pengimaranan Masjid : Masjid Mesra Ummah – Isu Dan Cabaran. *E-Proceedings of 6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (IMAF-2019)*, Oktober, 297–305.
- Mohd Noh, N. I., Choi, S. B., Zakaria, T., & Abd Wahab, N. N. (2020). Kajian Deskriptif Amalan Agama serta Kerja-kerja Sosial Pelajar di Pusat Islam

- Lukman Al-Hakim, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). Evaluation Studies in Social Sciences, 9(2), 9–18.
- Mohd Ridhuwan, R., Muhd Najib, A. K., Fadlan, O., & Siti, A. S. (2020). Prinsip Sosial Dalam Pengimaranan Institusi Masjid: Kajian Di Masjid Bertaraf Cemerlang. *Jurnal Hadhari*, 12(1), 1–15.
- Norani, M. N. M., & Abdullah, W. H. (2020). Analisis Aktiviti Pengajian Keagamaan di Institusi Masjid-Masjid Negeri Melaka. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 119–129.
- Noresah, B. (2007). Kamus Dewan. Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin, Hasliza Talib, & Siti Zaleha Ibrahim. (t.th.). Kolaborasi Interaksi Masyarakat Terhadap Golongan Kurang Upaya di Institusi Masjid. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(2), 1–9.
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E. A., Brennan, S. E., Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E. W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S., Moher, D. (2021). The PRISMA 2020 statement: An Updated Guideline for Reporting Systematic Reviews. *The BMJ*, 372.
- Rahman, S. F. A. (2020). Financial Education Programmes Organised by Mosques as a Platform to Increase Financial Literacy in Malaysia. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 13(1), 57–83.
- Ridhuwan. (2019). Cabaran Pengurusan Aktiviti Pengimaranan Institusi Masjid: Kajian Kes di Masjid Cemerlang di Malaysia. *Journal of Management & Muamalah*, 9(1), 39.
- Sojak, S. D. M., Bujang, N. A., & Safar, A. @ J. (2018). Penerapan Nilai Islam Dalam Pembangunan Jiwa Masjid Pada Era Kontemporari.
- Syauqi, D. (2004) al-Mu'jam al-Wasit. Al-Qahirah: Maktabah al-Syarq wa al-Dauliyyah.
- Wahab, N. A. A., Hamid, N. A., & Man, N. C. (2016). Pemerkasaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. *E-Academia UiTM*, 5(2), 219–220.
- Yahya, M., Hussin, M., Muhammad, F., Hassan, M., Razak, A. A., & Fadly, N. (2015). Aplikasi Teknologi Sistem Perakaunan Untuk Penjanaan Ekonomi Masjid. *Geografa: Malaysian Journal of Society and Space*, 11(2), 55–63.
- Yusoff, M. S. A., Hassan, N. S. I. C., Nor, N. H. M., & Yusof, N. (2018). Pengaruh Sikap Dan Nilai Islam Terhadap Niat Untuk Menghadiri Program Bahasa Inggeris di Masjid. 7(1), 98–108.